Jabatan Perangkaan
MALAYSIA

# BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

**RUJUKAN: 15 – 17 JUN 2021**

**BIL. 16 / 2021**

## RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 17 Jun 2021 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 608,465** atau 89.6 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **66,097 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **5,738 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **678,764 kes.** Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **5,735 kes** daripada catatan harian dengan **78.8 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 3 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 43.3 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (19.4 peratus), Zon Selatan (17.4 peratus), Zon Utara (11.8 peratus) dan Zon Pantai Timur (8.2 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Selangor** iaitu **1,858 kes** disusuli Negeri Sembilan (1,086 kes), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (641 kes), Sarawak (559 kes), Johor (449 kes) dan Sabah (248 kes). Sejumlah **4,202 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **60 kematian terbaharu** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **126 kes** yang dicatatkan pada 2 Jun 2021.

1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 16 Jun 2021 menunjukkan seramai **3,632,195** telah **divaksinasi**. Diperingkat negeri, **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **625,467** diikuti Selangor dengan 550,681. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Sarawak (438,621), Johor (339,542), Sabah (282,798), Perak (249,376), Kedah (208,191), Pulau Pinang (180,292) sementara Kelantan dan Pahang masing-masing merekodkan 173,697 dan 161,154. Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin telah mencapai **5,108,948 meliputi 3,632,195** penerima bagi **dos pertama** manakala **1,476,753** telah menerima **dos yang kedua**.

1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:

- US: **Sentimen pengguna meningkat semula pada awal bulan Jun 2021.** Sentimen pengguna US pulih pada awal bulan Jun 2021 apabila kebimbangan terhadap inflasi mereda dan isi rumah bertambah optimis

terhadap pertumbuhan ekonomi dan pekerjaan di masa hadapan. Indeks sentimen pengguna awalan meningkat kepada 86.4 pada separuh pertama bulan Jun 2021 daripada bacaan 82.9 yang dicatatkan pada akhir bulan Mei 2021. Pertumbuhan ekonomi negara yang lebih tinggi telah dijangkakan, dengan jumlah pengguna menjangkakan penurunan pengangguran bersih. (Reuters)

- US: **Pengeluaran industri meningkat lebih tinggi daripada yang dijangkakan pada bulan Mei 2021.** Laporan yang dikeluarkan oleh Federal Reserve menunjukkan pengeluaran perindustrian AS meningkat 0.8% pada bulan Mei 2021 setelah merekodkan sebanyak 0.1% pada April 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan pengeluaran perindustrian meningkat 0.6%. (RTT)

- EU: **Harga borong Jerman meningkat pada kadar terpantas sejak pertengahan tahun 2008.** Destatis melaporkan harga borong meningkat 9.7% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021, menyusuli kenaikan 7.2% pada bulan April 2021. Ini adalah kenaikan terpantas sejak Julai 2008 (9.9%). Pertumbuhan tahunan sebahagian besarnya didorong oleh kenaikan harga produk petroleum pada kadar 46.8%. (RTT)

- EU: **Kadar pengangguran Greece turun.** Statistik yang dikeluarkan oleh Hellenic Statistical Authority menunjukkan kadar pengangguran Greece turun kepada 16.3% pada bulan Mac 2021 daripada 16.6% pada bulan Februari 2021. Pada bulan yang sama tahun lalu, kadar pengangguran Greece adalah pada kadar 16.1%. Bilangan penganggur menurun sebanyak 32,081 orang kepada 714,779 pada bulan Mac 2021 daripada 746,860 pada tahun sebelumnya. (RTT)

- EU: **Lebihan perdagangan EU merosot pada bulan April 2021.** EUROSTATS melaporkan bahawa lebihan perdagangan Euro Zone merosot pada bulan April 2021 apabila nilai eksport menurun disebalik kenaikan import. Lebihan perdagangan menyusut kepada EURO9.4 bilion dari EURO18.3 bilion pada bulan Mac 2021. Ini adalah lebihan perdagangan yang terkecil sejak Mei 2020. Eksport turun -2.3% manakala import meningkat 2.4% pada bulan April 2021. (RTT)

- EU**: Inflasi *Harmonised Index Consumer Price* (HICP) Jerman tertinggi sejak Oktober 2018.** Inflasi HICP Germany meningkat untuk bulan ketiga berturut-turut ke tahap tertinggi dalam hampir tiga tahun. Laporan Destatis menunjukkan HICP meningkat 2.4% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021, daripada kenaikan 2.1% pada bulan April 2021. Kadar ini adalah yang tertinggi sejak Oktober 2018 (2.6%). (RTT)

- UK: **Ekonomi UK mencatat lonjakan tahunan pada April 2021.** Pemulihan ekonomi UK dari pandemik COVID-19 melonjak pada bulan April 2021 apabila langkah-langkah sekatan pergerakan dilonggarkan. Ekonomi UK mencatatkan pertumbuhan bulanan terpantas sejak bulan Julai 2020 apabila output ekonomi meningkat 27.6% lebih tinggi daripada tahun sebelumnya. (Reuters)

- UK: **Kadar pengangguran UK turun seperti yang dijangkakan.** Angka pengangguran di UK menurun dalam tiga bulan hingga April 2021, apabila aktiviti perniagaan meningkat setelah sekatan pergerakan dilonggarkan. Kadar pengangguran turun 0.3 mata peratus kepada 4.7% dalam tiga bulan hingga April 2021. Laporan oleh Office for National Statistics (ONS) turut menunjukkan kadar pekerjaan meningkat 0.2 mata peratusan menjadi 75.2%. ONS menyatakan anggaran terkini terus menunjukkan tanda-tanda pemulihan di pasaran buruh. (RTT)

- CHINA: **Jualan automobil China turun -3% pada bulan Mei 2021, penurunan pertama dalam 14 bulan.** Penjualan kenderaan di China turun -3% pada bulan Mei 2021 dari bulan yang sama tahun sebelumnya, setelah meraih peningkatan 13 bulan berturut-turut sejak April 2020. China Association of Automobile Manufacturers (CAAM) melaporkan jumlah jualan kenderaan berjumlah 2.13 juta kenderaan pada bulan Mei 2021. (Reuters)

- INDIA: **Pengeluaran industri India meningkat.** Pengeluaran perindustrian India melonjak lebih dari yang dijangkakan pada bulan April 2021. Peningkatan ini disumbangkan oleh kesan asas yang rendah apabila ekonomi India berada dalam *lockdown* pada bulan yang sama tahun sebelumnya untuk mengawal penularan pandemuk COVID-19. (RTT)

- INDONESIA**: Lebihan perdagangan meningkat pada bulan Mei 2021.** Lebihan perdagangan meningkat kepada USD2.36 bilion pada bulan Mei 2021. Penganalisis ekonomi menjangkakan lebihan dagangan Indonesia pada jumlah USD2.3 bilion. Pada bulan April 2021, lebihan perdagangan adalah sebanyak USD2.28 bilion. Eksport meningkat 58.8% tahun ke tahun pada bulan Mei 2021 berbanding jangkaan kenaikan sebanyak 57.5% oleh penganalisis ekonomi. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

2.1. **Unjuran pertumbuhan ekonomi tahun ini** antara 6.0 hingga 7.5 peratus mungkin tidak akan tercapai. Kemungkinan unjuran yang **lebih realistik ialah 5.5 hingga 7.0 peratus**. Ekonomi dijangka terus **disokong oleh industri pembuatan** terutama daripada sektor eksport memandangkan permintaan luar yang berterusan.

2.2. **Sektor pertanian dan rantaiannya dibenarkan untuk terus beroperasi sepanjang masa**, termasuk di kawasan yang diletakkan di bawah *Enhanced Movement Control Order* (EMCO). Ini sejajar dengan keputusan kerajaan untuk meletakkan sektor pertanian, perikanan dan ternakan serta rantaiannya sebagai perkhidmatan penting yang dibenarkan beroperasi sepanjang masa, tertakluk kepada prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Nasional (MKN).

2.3. Sehingga Jun 2021, **lebih 91 hotel terpaksa menutup sementara operasinya**, manakala 2 hotel sudah ditutup sepenuhnya. Walaupun **kadar pengoperasian hotel** ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 masih tinggi **sekitar 71 peratus**, kebanyakannya hanya **bergantung kepada keperluan kuarantin dan tetamu dalam sektor perkhidmatan penting**. Hampir 28 peratus hotel mengurangkan pekerja lebih daripada separuh, manakala 51 peratus melaksanakan pembuangan pekerja.

2.4. **Peningkatan ketara jualan kenderaan** dipacu terutama daripada **pelancaran model baharu, kempen perayaan dan pengecualian cukai jualan** meskipun peningkatan jangkitan kes COVID-19 dan kekurangan cip semikonduktor global.

2.5. **Bantuan** yang ditawarkan kementerian **MEDAC dan agensinya** dapat memberi **manfaat kepada sejumlah 734,707 peminjam dan penyewa** yang merangkumi perusahaan mikro dan perniagaan tidak formal yang termasuk dalam kategori B40.

2.6. **Pemberian vaksin secara berperingkat bermula dengan 30,500 tenaga kerja di subsektor perkhidmatan pelancongan** yang dibenarkan beroperasi bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

2.7. CIDB menerima sebanyak **74,200 permohonan menerusi COVID-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0)** seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Namun **hanya 11,939 permohonan diluluskan** berikutan proses kelulusan ketat bagi memastikan hanya projek pembinaan kritikal saja boleh beroperasi, sekali gus mengurangkan penularan COVID-19 dalam sektor pembinaan.

2.8. **Malaysia terus memperoleh pembeli bersih pelabur asing terhadap bon Malaysia** dengan pegangan keseluruhan meningkat RM1.9 bilion kepada RM247.9 bilion berbanding bulan sebelumnya. Ini disebabkan oleh penghindaran risiko yang meningkat dan kebangkitan semula jangkitan COVID-19 serta kawalan pergerakan di seluruh negara.

2.9. **Northport (Malaysia) Bhd mencatatkan pengendalian kargo konvensional tertinggi sebanyak 1.07 juta tan berat muatan (FWT) pada Mei lalu**, melepasi rekod pengendalian bulanan sebelum ini iaitu 968,356 FWT pada Ogos 2013. Bagi tempoh lima bulan pertama 2021, ia mengendalikan kargo konvensional berjumlah 4.1 juta FWT, pertumbuhan 32 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu. Pencapaian itu adalah manifestasi keupayaan Northport untuk mengharungi cabaran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan pelbagai sektor ekonomi dan industri di peringkat global serta domestik.

2.10. **PROTON Holdings Bhd (PROTON)** mencatatkan **pertumbuhan jualan eksport kenderaannya pada Mei 2021 sebanyak 669 unit**, jumlah **tertingginya sejak Mac 2013**. Dengan pertumbuhan jualan domestik yang meningkat, pemasangan model PROTON di pasaran eksport juga penting bagi memastikan kumpulan mampu mencapai sasaran jangka masa panjang. Peningkatan jualan eksport PROTON **dipengaruhi oleh permintaan di pasaran tertentu, dengan sebahagiannya adalah pasaran baru**.

2.11. **Raya Airways Sdn Bhd** merupakan **syarikat pertama Malaysia dalam bidang logistik muatan yang berjaya menembusi penghantaran muatan ke Nanning, China.** Perkhidmatan ke Nanning akan dijalankan sebanyak empat kali seminggu dengan purata muatan sebanyak 30 tan dan kapasiti maksimum sebanyak 40 tan. Raya Airways akan **memfokuskan kepada produk e-commerce dan barangan pengguna rentas sempadan**, termasuklah barangan yang mudah rosak.

2.12. **Pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan** yang dilaksanakan di Malaysia sejak tahun lalu memberi **lonjakan besar kepada perkhidmatan dalam talian syarikat Lotus's Stores (Malaysia) Sdn Bhd**. Justeru dengan perancangan dalam talian dan luar talian secara konsisten serta penguasaan pasaran lebih daripada 50 peratus, Lotus's Malaysia mengunjurkan pertumbuhan pendapatan yang positif tahun ini.

2.13. **Inisiatif dan program Malaysian Bioeconomy Development Corporation dalam sektor bioekonomi** merupakan pelengkap kepada strategi empat fasa di bawah Pelan Pemulihan Negara. Melalui program tersebut yang berasaskan modal insan seperti Biokerjaya @ My Future Agro di bawah inisiatif PENJANA serta BioAgrotech & BioPharmaceutical Employability and Entrepreneurship Specialised Training (BeST 2.0) dijangka akan **wujudkan 800 peluang pekerjaan** bernilai tinggi dan **400 orang terlatih** melalui program ini pada akhir 2021.

2.14. **Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)** melaporkan **pengeluaran Januari hingga Mei sekitar 6.0 peratus, lebih rendah berbanding tahun 2020**. Ini disebabkan oleh **kekurangan tenaga kerja** kerana kerajaan tidak membenarkan kemasukan pekerja asing ketika kes COVID-19 tinggi yang menyebabkan potensi pengeluaran **menurun sebanyak 20 peratus hingga 30 peratus.**

2.15. **Maybank telah melancarkan platform** dalam taliannya untuk membantu peniaga tempatan yang **menghadapi kesukaran berniaga** sepanjang musim pandemik. **Platform "Sama-Sama Lokal" yang dibangunkan**, bertujuan membantu **perniagaan kecil masuk ke dalam talian** apabila mereka tidak dapat beroperasi dari kedai fizikal akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlanjutan.

2.16. **OCBC Bank menjangkakan bekalan minyak global akan meningkat** dua juta tong sehari (mbpd) dengan **sebahagian besarnya daripada OPEC+ dan Iran**. Tambahan pula, sekiranya larangan ke atas minyak Iran ditamatkan dalam tempoh 18 bulan akan datang, dua mbpd minyak mentah Iran akan kembali ke pasaran Antarabangsa.

2.17. **Malaysian Employers Federation (MEF)** berharap kerajaan dapat memperuntukkan **tambahan RM40 bilion** di samping pakej PEMERKASA+ bernilai RM40 bilion kepada majikan bagi membantu mengurangkan impak PKP 3.0 yang dilanjutkan sehingga 28 Jun. Kebanyakan majikan tergolong kategori PKS dengan **anggaran 650 ribu yang menggaji pekerja kurang dari 5 orang**.

2.18. **Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS)** perlu mengutamakan **sektor industri berisiko tinggi** yang terdedah jangkitan COVID-19 dan **memperluas liputan meliputi kesemua 17 sektor perlu**. Pada masa ini, pekerja di subsektor pembuatan termasuk elektrik dan elektronik, pemprosesan makan, logam dan keluli, peralatan perubatan, peralatan perlindungan diri, minyak dan gas serta produk getah termasuk pembuatan sarung tangan perubatan akan diutamakan bagi vaksinasi di bawah PIKAS.

| A. | Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **Industri perhotelan rugi lebih RM5 bilion**<br><br>Industri perhotelan Malaysia dianggarkan akan kehilangan pendapatan lebih daripada RM5 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini berikutan sekatan pergerakan bagi membendung penularan pandemik.<br><br>Anggaran itu berdasarkan kadar penghunian rendah iaitu purata 21 peratus pada Januari, 17 peratus pada Februari dan 27 peratus masing-masing pada Mac serta April lalu yang kebanyakannya adalah bagi keperluan kuarantin. Kadar penghunian pada Mei hanya 18 peratus dan purata bagi bulan ini dijangka di bawah 15 peratus. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/828444/industri-perhotelan-rugi-lebih-rm5-bilion |
| 2. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Fasa pemulihan lewat bakal jejaskan ekonomi**<br><br>Kelewatan pembukaan semula aktiviti ekonomi dan sosial dijangka memberi impak negatif kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia.<br><br>Tiga indikator adalah keadaan penularan COVID-19 dalam komuniti berdasarkan bilangan kes jangkitan harian, keupayaan sistem kesihatan awam berdasarkan kadar penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/828527/fasa-pemulihan-lewat-bakal-jejaskan-ekonomi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | dan tahap populasi yang dilindungi berdasarkan peratusan yang lengkap menerima dua dos suntikan vaksin.<br><br>Unjuran ekonomi negara kekal tidak menentu terutamanya separuh kedua tahun ini jika fasa pemulihan tidak berjalan seperti dirancang. | |
| 3. | **The Star**<br>17 Jun 2021<br>*(Non-essential)* | **Govt approves wage subsidy applications worth RM1.215bil as at June 4**<br><br>A total of RM1.215 billion has been channelled to 74,075 employers to continue to operate and maintain employment for 645,522 employees.<br><br>For the Recruitment Incentive and Training Assistance Programme, a total of 137,593 workers had managed to get jobs through the programme as at June 4.<br><br>Among the major industries and sectors that employ workers include manufacturing as well as wholesale and retail trade. | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/06/17/govt-approves-wage-subsidy-applications-worth-rm1215bil-as-at-june-4 |
| 4. | **The Edge**<br>17 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Agriculture sector allowed to operate including in EMCO areas**<br><br>Agriculture sector and its chain allowed continuing operating at all times, including in areas placed under the Enhanced Movement Control Order (EMCO). Agriculture, fisheries and livestock sector and their supply chain as essential services which were | https://www.theedgemarkets.com/article/agriculture-sector-allowed-operate-including-emco-areas |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | allowed to operate at all times, subject to the standard operating procedures stipulated by the National Security Council (MKN). | |

Penemuan penting & isu:

1. Sehingga Jun 2021, lebih 91 hotel terpaksa ditutup sementara operasinya, manakala dua hotel sudah ditutup sepenuhnya. Walaupun kadar pengoperasian hotel ketika tempoh PKP 3.0 masih tinggi sekitar 71 peratus, kebanyakannya hanya bergantung kepada keperluan kuarantin dan tetamu dalam sektor perkhidmatan penting. Hampir 28 peratus hotel mengurangkan pekerja lebih daripada separuh, manakala 51 peratus melaksanakan pembuangan pekerja.

2. Unjuran pertumbuhan ekonomi tahun ini antara 6.0 hingga 7.5 peratus mungkin tidak akan tercapai. Kemungkinan unjuran yang lebih realistik ialah 5.5 hingga 7.0 peratus. Ekonomi dijangka terus disokong oleh industri pembuatan terutama daripada sektor eksport memandangkan permintaan luar yang berterusan.

3. Sektor pertanian dan rantaiannya dibenarkan untuk terus beroperasi sepanjang masa, termasuk di kawasan yang diletakkan di bawah *Enhanced Movement Control Order (EMCO)*. Ini sejajar dengan keputusan kerajaan untuk meletakkan sektor pertanian, perikanan dan ternakan serta rantaiannya sebagai perkhidmatan penting yang dibenarkan beroperasi, tertakluk kepada prosedur operasi standard yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Nasional (MKN).

Maklumbalas Bahagian:

1. Kenaikan kes harian COVID-19 dan penutupan premis sepanjang tempoh PKP memberi kesan kepada industri Pelancongan. Pada tahun 2019, Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) merekodkan sumbangan 15.9 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berbanding 15.2 peratus pada tahun 2018, dengan nilai RM240.2 bilion (2018: RM220.4 bilion).

2. Pada ST1 2021, KDNK Malaysia menyusut marginal negatif 0.5 peratus berbanding negatif 3.4 peratus pada suku tahun sebelumnya. Prestasi ini disokong oleh pengukuhan sektor pembuatan dan pemulihan sektor pertanian.

3. Sektor Pertanian dibenarkan beroperasi sepanjang PKP 3.0. Pada suku pertama 2021, sektor Pertanian bertumbuh marginal 0.4 peratus, pulih dari negatif 1.0 peratus pada suku tahun keempat 2020. Pertumbuhan ini disokong oleh prestasi Pertanian lain 5.7 peratus (ST4 2020: 3.6%) dan Ternakan yang meningkat 3.5 peratus (ST4 2020: 2.9%). Sementara itu, Perhutanan & pembalakan kembali pulih kepada pertumbuhan dua-digit 11.5 peratus (ST4 2020: -9.2%).

| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| | **Subsektor Perdagangan Borong & Runcit** | | |
| 1. | **Berita Harian**<br>15 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **UMW jual 25,568 unit kereta bulan lalu**<br><br>Jualan automotif UMW Group melonjak kepada 25,568 unit pada Mei 2021, berbanding 11,342 unit pada Mei 2020, meskipun berdepan cabaran pandemik COVID-19.<br><br>Vios, Yaris dan Hilux adalah model paling laris, secara kumulatif menyumbang 78 peratus daripada jumlah jualan pada bulan lalu. | https://www.bharian.com.my/bisnes/auto/2021/06/828235/umw-jual-25568-unit-kereta-bulan-lalu |
| 2. | **Harian Metro**<br>15 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Insentif khas LPG, minyak masak**<br><br>Sejumlah RM3.78 bilion diperuntukkan bagi subsidi minyak masak pada tahun ini. Berdasarkan harga pasaran global semasa, kerajaan dijangka bakal menampung subsidi sehingga RM8 bilion iaitu RM4.22 bilion lebih tinggi daripada jumlah peruntukan asal. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/718012/insentif-khas-lpg-minyak-masak |
| 3. | **The Edge Market**<br>15 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Palm oil output at risk as virus lockdown worsens labour shortage**<br><br>A resurgence of Covid-19 infections in No. 2 palm oil grower Malaysia is set to exacerbate a labor shortage and curb production of the world's most-consumed cooking oil. | https://www.theedgemarkets.com/article/palm-oil-output-risk-virus-lockdown-worsens-labor-shortage |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **The Edge Market**<br>15 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Mr DIY remains on track for growth in 2021**<br><br>Mr DIY Group (M) Bhd remains on track for growth in 2021 with its three-pronged strategy to drive growth, deliver value, and achieve operational efficiencies. | https://www.theedgemarkets.com/article/mr-diy-remains-track-growth-2021 |
| 5. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Perdagangan Malaysia-Uzbekistan semakin kukuh**<br><br>Jumlah barang Malaysia yang diimport ke Uzbekistan adalah AS$64.07 juta. Import utama Uzbekistan dari Malaysia ialah minyak sawit, produk getah (termasuk sarung tangan getah), produk minyak dan gas dan industri kimia, peralatan dan instrumen pengeluaran lini, produk perabot dan barangan lain.<br><br>Eksport utama Uzbekistan ke Malaysia pula adalah baja kimia, produk pertanian, produk tekstil dan perkhidmatan. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/828541/perdagangan-malaysia-uzbekistan-semakin-kukuh |
| 6. | **Harian Metro**<br>16 Jun 2021<br>(*non-essential*) | **Bakal selamatkan 90 peratus PKS**<br><br>Strategi Pelan Pemulihan Negara bakal menyelamatkan kira-kira 90 peratus usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berdepan risiko terjejas sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilaksanakan secara berterusan. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/06/718772/bakal-selamatkan-90-peratus-pks |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **The Edge Market**<br>16 Jun 2021<br>(*essential*) | **KPDNHEP to ensure EMCO has minimal impact on vegetable supply**<br><br>The media reported a hike in the prices of vegetables up to 40%, following the enforcement of the EMCO in Cameron Highlands from June 14 to 27.<br><br>According to Nanta, based on price data obtained by the ministry on June 13, the average daily price of vegetables reported in newspapers, such as tomatoes, cucumbers, cabbage and beans, showed a decline compared to the previous day (June 12). | https://www.theedgemarkets.com/article/kpdnhep-ensure-emco-has-minimal-impact-vegetable-supply |
| 8. | **Berita Harian**<br>17 Jun 2021<br>(*essential*) | **Pekebun kawasan PKPD Cameron Highlands lega dibenar beroperasi**<br><br>Keputusan kerajaan membenarkan sektor pertanian serta rantaiannya terus beroperasi di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) melegakan pemain industri itu, khususnya dalam kalangan petani dan pekerja sektor berkenaan.<br><br>Kenaikan harga sayur sehingga 40 peratus disebabkan oleh teori permintaan dan penawaran memandangkan petani dan pekerja rata-ratanya tinggal di kawasan PKPD di Cameron Highlands secara tidak langsung, tidak boleh ke kebun untuk menuai hasil atau bekerja. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/828825/pekebun-kawasan-pkpd-cameron-highlands-lega-dibenar-beroperasi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9. | **Berita Harian**<br>17 Jun 2021<br>(non-*essential*) | **MEDAC, agensi tawar moratorium, bantuan bersasar lebih RM7 juta**<br><br>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) dan agensinya menawarkan moratorium dan bantuan bersasar lain bernilai RM746.79 juta kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bagi membantu mengurangkan impak sekatan pergerakan penuh yang dilaksanakan di seluruh negara.<br>Agensi MEDAC yang menawarkan moratorium dan bantuan bersasar adalah Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN Nasional, SME Corporation Malaysia (SME Corp), Perbadanan Nasional Bhd (PNS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan UDA Holdings Bhd. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/828823/medac-agensi-tawar-moratorium-bantuan-bersasar-lebih-rm7-juta |
| 10. | **New Straits Times**<br>17 Jun 2021<br>(non-*essential*) | **Kawan Food's robust outlook on solid frozen food demand, rise in exports: Public Invest**<br><br>Kawan Food Bhd's outlook is rosy as demand for frozen food is still robust, driven by the higher in-house food consumption, Pubic Investment Bank Bd (Public Invest) said.<br>Public Invest said the robust demand especially in Malaysia was due to the tightening of Movement Control Order (MCO) which encouraged consumers to stock up on frozen food. | https://www.nst.com.my/business/2021/06/699504/kawan-foods-robust-outlook-solid-frozen-food-demand-rise-exports |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Subsektor Pengangkutan & Penyimpanan** | | |
| 11. | **Astro Awani**<br>17.6.2021<br>(*Non-essential*) | **Feri penumpang ke Langkawi kembali operasi Jumaat ini**<br><br>Perkhidmatan feri penumpang ke Langkawi yang terhenti perkhidmatannya sejak sekatan pergerakan penuh dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dikuat kuasakan pada 1 Jun lalu kembali beroperasi pada 18 Jun 2021. | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/feri-penumpang-ke-langkawi-kembali-operasi-jumaat-ini-303570#.YMrGCwTIR3g.whatsapp |
| | **Subsektor Kesihatan** | | |
| 12. | **New Straits Times**<br>15 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Govt targets 165,000 vaccinations daily for Selangor by August**<br><br>A daily target of 165,000 Covid-19 vaccinations has been set for Selangor by August through the opening of more vaccination centers and the involvement of private clinics and hospitals as well vaccination programmes in the field. | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/699042/govt-targets-165000-vaccinations-daily-selangor-august |
| 13. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Sabah sasar 30,000 rakyat diberi vaksin setiap hari**<br><br>Kerajaan negeri menyasarkan seramai 30,000 orang rakyat Sabah dapat diberikan vaksin secara harian bermula Julai dalam usaha mencapai imuniti kelompok pada penghujung tahun ini.<br><br>Pusat Konvensyen Antarabangsa Sabah (SICC) turut dijadikan pusat untuk pelaksanaan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/828310/sabah-sasar-30000-rakyat-diberi-vaksin-setiap-hari |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Awam-Swasta (PIKAS) dalam Fasa 4 termasuk Hospital Gleneagles, Rafflesia Medical Center serta 36 klinik swasta yang lain. | |
| 14. | **Harian Metro**<br>16 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Penggunaan katil ICU Covid-19 masih tinggi**<br><br>Kes jangkitan Covid-19 yang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) tidak menunjukkan penurunan yang ketara dengan jumlah penggunaan katil melebihi 100 peratus. Tren kemasukan kes Covid-19 ke ICU menunjukkan peningkatan sejak 25 April hingga 12 Jun lalu yang mana jumlah penggunaan katil ICU melebihi 100 peratus.<br><br>Penggunaan katil melebihi kapasiti juga disebabkan oleh keperluan tempoh pemulihan yang lama bagi pesakit untuk sembuh disebabkan komplikasi jangkitan Covid-19 yang serius. Secara purata tempoh rawatan di ICU bagi kategori empat adalah antara 14 ke 16 hari manakala bagi pesakit kategori lima tempoh rawatan di ICU antara 19 ke 26 hari. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718780/penggunaan-katil-icu-covid-19-masih-tinggi |
| 15. | **Malay Mail**<br>16 Jun 2021<br>(*Essential*) | ***MOH raids general practitioner for prescribing unregulated anti-parasitic drug ivermectin***<br><br>*A private clinic in KL has been raided by the Health Ministry, after it supplied the drug usually used to treat parasitic infections in pets, to its human patients by* | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2021/06/16/moh-raids-general-practitioner-for-prescribing-unregulated-anti-parasitic-d/1982707 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *falsely claiming that it can prevent Covid-19.*<br><br>*On May 16, Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the use of Ivermectin has not been approved by the ministry, due to a lack of scientific studies to prove its efficacy.* | |
| 16. | **Sinar Harian**<br>17 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Cuepacs, FWD Takaful mansuh bayaran bersama 20 peratus**<br><br>Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) dan FWD Takaful Berhad (FWD Takaful) bersetuju untuk memansuhkan bayaran bersama sebanyak 20 peratus kepada peserta Program Takaful CuepacsCare yang menaik taraf kadar bilik dan penginapan ketika mendapatkan rawatan di panel hospital swasta berkuat kuasa 15 Jun 2021.<br><br>Pemansuhan bayaran bersama tersebut membolehkan lebih 80,000 penjawat awam yang menyertai CuepacsCare menikmati manfaat perlindungan lebih komprehensif di hospital swasta tanpa dikenakan caj 20 peratus daripada jumlah bil yang dilindungi sekiranya menaik taraf kadar bilik dan penginapan. | https://www.sinarharian.com.my/article/144287/BERITA/Nasional/Cuepacs-FWD-Takaful-mansuh-bayaran-bersama-20-peratus |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | **Subsektor Penginapan** | | |
| 17. | **Berita Harian**<br>**16 Jun 2021**<br>*(Essential)* | **MOTAC saran tenaga kerja subsektor divaksin**<br><br>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) mencadangkan pemberian vaksin kepada tenaga kerja beberapa subsektor perkhidmatan pelancongan yang dibenarkan beroperasi.<br><br>Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pemberian vaksin secara berperingkat bermula dengan 30,500 tenaga kerja di subsektor berkenaan. Peringkat permulaan, katanya, keutamaan akan diberi kepada subsektor beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 menerusi Program Vaksinasi dan Sukarelawan MOTAC. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/828475/motac-saran-tenaga-kerja-subsektor-divaksin |
| 18. | **Sinar Harian**<br>**16 Jun 2021**<br>*(Essential)* | **MOTAC tawar fasiliti, aset sebagai PPV**<br><br>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menawarkan fasiliti dan aset di bawahnya untuk dijadikan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi mempercepatkan proses vaksinasi.<br><br>Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, beberapa lokasi telah dikenal pasti bagi tujuan itu termasuklah Kompleks Kraf, Kompleks Jabatan Kebudayaan, Kesenian Negeri (JKKN) dan Hotel Seri Malaysia yang berada di seluruh negara. | https://www.sinarharian.com.my/article/144553/BERITA/Nasional/MOTAC-tawar-fasiliti-aset-sebagai-PPV |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 19. | **Bernama**<br>**16 Jun 2021**<br>*(Essential)* | **MOTAC harap pelancongan domestic kembali rancak pada fasa keempat Pelan pemulihan Negara**<br><br>Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) berharap aktiviti pelancongan domestik kembali rancak selepas kerajaan mempertimbangkan kebenaran pergerakan rentas negeri dalam fasa keempat Pelan Pemulihan Negara yang dijangka pada November ini. | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1972568 |
| 20. | **Utusan**<br>**17 Jun 2021**<br>*(Essential)* | **Rugi RM5 bilion, industri hotel perlukan vaksin segera**<br><br>Industri perhotelan negara memerlukan suntikan vaksin segera untuk semua kakitangan bagi meneruskan perniagaan setelah mengalami kerugian lebih RM5 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini. Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Hotel Malaysia (MAH), Yap Lip Seng memaklumkan kerugian RM300 juta untuk setiap dua minggu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). | https://www.utusan.com.my/berita/2021/06/rugi-rm5-bilion-industri-hotel-perlukan-vaksin-segera/ |
| | **Subsektor Kewangan** | | |
| 21. | **Malaysia Kini**<br>15 June 2021<br>*(Essential)* | ***HSBC to close 13 branches by year-end, remains committed to M'sia***<br><br>HSBC Bank group has reaffirmed its business commitment to Malaysia as its priority growth market by expanding its digital banking presence and reducing its branch footprint in line with the | https://www.malaysiakini.com/news/578997 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | evolvement of financial and banking services. | |
| | **Subsektor Pendidikan** | | |
| 22. | **Sinar Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Pusat tuisyen berdepan gulung tikar.**<br><br>Pengusaha pusat tuisyen melahirkan kebimbangan kemungkinan mereka gulung tikar sekiranya Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di negara ini berlanjutan. | https://www.sinarharian.com.my/article/144512/BERITA/Nasional/Pusat-tuisyen-berdepan-gulung-tikar |
| 23. | **Malaysia Kini**<br>17 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Kerajaan teliti vaksin untuk pelajar, guru hadapi peperiksaan.**<br><br>Kerajaan sedang meneliti untuk memberikan vaksin Covid-19 kepada pelajar yang akan menduduki peperiksaan tahun ini selepas Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) meluluskan pengunaan vaksin Pfizer-BioNTech bagi individu berusia 12 tahun ke atas. | https://www.malaysiakini.com/news/579318 |

Penemuan penting & isu:

1. Peningkatan ketara jualan kenderaan dipacu terutama daripada pelancaran model baharu, kempen perayaan dan pengecualian cukai jualan meskipun peningkatan jangkitan kes COVID-19 dan kekurangan cip semikonduktor global.

2. Usaha membantu penjaja kecil yang kerap menggunakan minyak masak dalam perniagaan boleh ditingkatkan melalui pemberian subsidi.

3. Bulan penuaian puncak kelapa sawit yang mengalami kekangan tenaga kerja akan menghalang peningkatan hasil yang besar dan dalam mengekalkan pengeluaran Malaysia di bawah 19 juta tan tahun ini.

4. Sebahagian besar usahawan mempunyai tempoh selama tiga hingga enam bulan untuk bertahan dalam pasaran, seterusnya tidak mampu lagi untuk menanggung kos overhed dan sebagainya.

5. KPDNHEP akan mengenakan harga kawalan atau harga maksimum jika terdapat kenaikan harga barang yang tidak masuk akal. Tindakan juga akan diambil terhadap pihak yang didapati menaikkan keuntungan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan (AKHAP) 2011.

6. Lebih 580 pekebun mendiami kawasan Kampung Raja membabitkan keluasan tanah pertanian untuk tanaman sayur antara 1,618.7 hingga 2,023.4 hektar, dibenarkan beroperasi yang menyumbang kepada 60 peratus hasil pertanian Cameron Highlands terjejas sebelum ini.

7. Bantuan yang ditawarkan kementerian MEDAC dan agensinya dapat memberi manfaat kepada sejumlah 734,707 peminjam dan penyewa yang merangkumi perusahaan mikro dan perniagaan tidak formal yang termasuk dalam kategori B40.

8. Public Invest mengatakan penutupan operasi Malaysia selama satu minggu kerana wabak COVID-19 tidak mungkin memberi kesan material terhadap pendapatan Kawan, memandangkan syarikat itu mempunyai inventori yang mencukupi.

9. Kapasiti bagi setiap feri dikurangkan kepada 50%. Sebelum ini, Terminal Feri Penumpang Kuala Kedah ditutup dan tiada perkhidmatan feri bagi laluan Kuala Kedah-Langkawi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di daerah Kota Setar sejak 19 Mei 2021.

10. *Selangor currently administers 43,000 doses a day, and there were plans to increase this to 135,000 daily in July in line with the government's target to vaccinate 80 per cent of the Selangor populace by September*.

11. Bermula bulan Jun, Hospital Gleneagles dan Rafflesia Medical Center serta 36 klinik swasta terbabit dalam memberi vaksin kepada penduduk di negeri Sabah.

12. KKM bekerjasama dengan 112 hospital swasta khususnya di Lembah Klang bagi rawatan pesakit Covid-19 yang membabitkan 1,274 katil wad biasa dan 128 katil ICU.

13. Persetujuan FWD Takaful untuk memansuhkan bayaran bersama memberi kemudahan kepada penjawat awam yang menyertai CuepacsCare mendapatkan rawatan di hospital swasta dengan selesa tanpa perlu membayar kos yang tinggi.

14. Pemberian vaksin secara berperingkat bermula dengan 30,500 tenaga kerja di subsektor perkhidmatan pelancongan yang dibenarkan beroperasi bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

15. *HSBC Bank Malaysia Berhad is a member of the HSBC Group and employs about 4,000 people in Malaysia*.

Maklumbalas Bahagian:

1. Strategi Pelan Pemulihan Negara bakal membantu memulihkan ekonomi daripada keadaan krisis akibat pandemik COVID-19.

2. Inisiatif yang digerakkan oleh badan peminjam kewangan Malaysia dalam memberikan bantuan kewangan kepada golongan terjejas mampu menyelamatkan industri PKS.

3. Kebenaran beroperasi semula bagi perkhidmatan feri ke Langkawi dalam tempoh pelaksanaan PKP 3.0 ini akan memberikan semula hasil kepada perkhidmatan operasi feri, teksi air (50112) dalam segmen Pengangkutan Air setelah tidak beroperasi dari 19 Mei hingga 17 Jun 2021.

4. Penglibatan hospital dan klinik swasta dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan turut menyumbang kepada peningkatan hasil hospital dan klinik swasta.

5. Kemudahan Takaful yang ditawarkan bagi mendapatkan rawatan COVID-19 di hospital swasta turut menyumbang kepada peningkatan hasil hospital swasta.

6. Kadar penghunian yang rendah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akan memberi kesan pengurangan pendapatan industri perkhidmatan penginapan (55101) untuk tempoh ST2 2021.

| **C.** | **Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (BPPA)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(Essential)* | **COVID-19: Kilang gula MSM Prai kembali beroperasi**<br><br>MSM Prai Bhd (MSM Prai), anak syarikat milik penuh MSM Malaysia Holdings Bhd membuka semula operasi kilang penapisan gula selepas mendapat | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/828450/covid-19-kilang-gula-msm-prai-kembali-beroperasi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | kebenaran daripada kerajaan bermula 15 Jun lalu.<br><br>Pembukaan semula operasi itu akan dilaksanakan secara berperingkat. "Ia juga adalah lebih awal daripada sasaran dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta panduan oleh pihak berkuasa bagi sektor industri," katanya dalam satu kenyataan.<br><br>Pelan mitigasi katanya sudah dilaksanakan bagi mengelakkan kekurangan bekalan serta meminimumkan gangguan rantaian bekalan melalui penstrukturan semula strategi kesinambungan perniagaan di samping menggunakan kebenaran permit bagi mengimport gula bertapis. | |
| 2. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Northport catat pengendalian kargo bulanan tertinggi**<br><br>Northport (Malaysia) Bhd mencatatkan pengendalian kargo konvensional tertinggi sebanyak 1.07 juta tan berat muatan (FWT) pada Mei lalu, melepasi rekod pengendalian bulanan sebelum ini iaitu 968,356 FWT pada Ogos 2013.<br><br>Bagi tempoh lima bulan pertama 2021, ia mengendalikan kargo konvensional berjumlah 4.1 juta FWT, pertumbuhan 32 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/828580/northport-catat-pengendalian-kargo-bulanan-tertinggi |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Pencapaian itu adalah manifestasi keupayaan Northport untuk mengharungi cabaran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan pelbagai sektor ekonomi dan industri di peringkat global serta domestik. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(Essential)* | **PROTON catat jualan eksport tertinggi dalam tempoh 98 bulan**<br><br>PROTON Holdings Bhd (PROTON) mencatatkan pertumbuhan jualan eksport kenderaannya pada Mei 2021 sebanyak 669 unit, jumlah tertingginya sejak Mac 2013.<br><br>Pengarah Jualan Antarabangsa PROTON, Steven Xu, berkata sehingga akhir Mei, jumlah jualan eksportnya naik 174 peratus daripada sasaran. Jualan pada bulan itu juga hanya kurang 6 peratus berbanding jumlah keseluruhan jualan eksport pada 2020.<br><br>Dengan pertumbuhan jualan domestik yang meningkat, pemasangan model PROTON di pasaran eksport juga penting bagi memastikan kumpulan mampu mencapai sasaran jangka masa panjang. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/828397/proton-catat-jualan-eksport-tertinggi-dalam-tempoh-98-bulan |

Penemuan penting & isu:

1. MSM Prai Bhd (MSM Prai), anak syarikat milik penuh MSM Malaysia Holdings Bhd membuka semula operasi kilang penapisan gula selepas mendapat kebenaran daripada kerajaan bermula 15 Jun lalu. Pembukaan semula operasi itu akan dilaksanakan secara berperingkat. Pelan mitigasi katanya sudah dilaksanakan bagi mengelakkan kekurangan bekalan serta meminimumkan gangguan rantaian bekalan melalui penstrukturan semula strategi kesinambungan perniagaan di samping menggunakan kebenaran permit bagi mengimport gula bertapis.

2. Northport (Malaysia) Bhd mencatatkan pengendalian kargo konvensional tertinggi sebanyak 1.07 juta tan berat muatan (FWT) pada Mei lalu, melepasi rekod pengendalian bulanan sebelum ini iaitu 968,356 FWT pada Ogos 2013. Bagi tempoh lima bulan pertama 2021, ia mengendalikan kargo konvensional berjumlah 4.1 juta FWT, pertumbuhan 32 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu. Pencapaian itu adalah manifestasi keupayaan Northport untuk mengharungi cabaran yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang telah menjejaskan pelbagai sektor ekonomi dan industri di peringkat global serta domestik.

3. PROTON Holdings Bhd (PROTON) mencatatkan pertumbuhan jualan eksport kenderaannya pada Mei 2021 sebanyak 669 unit, jumlah tertingginya sejak Mac 2013. Dengan pertumbuhan jualan domestik yang meningkat, pemasangan model PROTON di pasaran eksport juga penting bagi memastikan kumpulan mampu mencapai sasaran jangka masa panjang. Peningkatan jualan eksport PROTON dipengaruhi oleh permintaan di pasaran tertentu, dengan sebahagiannya adalah pasaran baru.

Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai eksport bagi kod SITC empat digit 0612: *sugars; beet or cane, chemically pure sucrose, in solid form* bagi April 2021 adalah RM49.2 juta dan mencatatkan penurunan sebanyak RM12.3 juta atau 19.8 peratus bulan ke bulan. Negara Vietnam merupakan destinasi utama eksport gula halus sebanyak 45.8 peratus diikuti Singapura (8.8 peratus), Indonesia (7.6 peratus) dan lain-lain (38.0 peratus).

2. Nilai eksport melalui Pelabuhan Klang bagi April 2021 adalah RM84.5 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM22.4 juta atau 36.8 peratus bulan ke bulan. Pelabuhan Klang merupakan saluran utama bagi mod pengangkutan laut dan menyumbang sebanyak 40.1 peratus dari keseluruhan nilai eksport menggunakan mod pengangkutan tersebut.

| | |
|---|---|
| 3. | Nilai eksport motokar sudah dipasang/baru pada April 2021 adalah RM 78 juta dan mencatatkan peningkatan sebanyak RM63.6 juta atau 447.3 peratus bulan ke bulan. Volum motokar sudah dipasang/baru yang dieksport pada April 2021 adalah 767 unit dan mencatatkan peningkatan sebanyak 506 unit atau 193.6 peratus. |

| **D.** | **Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge**<br>**15 June 2021**<br>*(non-essential)* | **FMM lauds govt's efforts to expedite immunisation for manufacturing sector through PIKAS**<br><br>FMM president Tan Sri Soh Thian Lai said the Ministry of International Trade and Industry (MITI) had been tasked with the support of the private sector to coordinate the public-private partnership (PPP) immunisation initiative to accelerate effective Covid-19 vaccine roll-outs to employees in the manufacturing sector | https://www.theedgemarkets.com/article/fmm-lauds-govts-efforts-expedite-immunisation-manufacturing-sector-through-pikas |
| 2. | **The Edge**<br>**16 June 2021**<br>*(essential)* | **CAB Cakaran suspends ops at one of its factories after 162 workers tested positive for Covid-19**<br><br>Integrated poultry producer CAB Cakaran Corp Bhd said today it has suspended operations at one of its wholly-owned subsidiary's factories after 162 Covid-19 infections were found among its workers. | https://www.theedgemarkets.com/article/cab-cakaran-suspends-ops-one-its-factories-after-162-workers-tested-positive-covid19 |
| 3. | **BH Online**<br>**16 Jun 2021**<br>*(essential)* | **CIDB benarkan 16 peratus sektor pembinaan beroperasi**<br><br>Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) hanya | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/828349/cidb-benarkan-16-peratus-sektor- |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | meluluskan 16 peratus permohonan sektor pembinaan untuk beroperasi sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan 3.0. | pembinaan-beroperasi |
| 4. | **BH Online**<br>**17 Jun 2021**<br>*(essential)* | **Vaksin dibuka kepada 40,000 pekerja sektor pembinaan**<br><br>Kementerian Kerja Raya (KKR) menerusi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menawarkan vaksinasi COVID-19 kepada 40,000 pekerja dalam sektor pembinaan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/828791/vaksin-dibuka-kepada-40000-pekerja-sektor-pembinaan |

Penemuan penting & isu:

1. *Vaccination through PIKAS is implemented through two models: Model 1 is vaccination at a common use vaccination centre (PPV), while Model 2 refers to on-site vaccination initiated by a company to be within factory premises or at an approved location.*

2. *CAB Cakaran Corp Bhd said the Covid-19-positive cases were confirmed between June 10 and June 11. Subsequently, the affected factory received a notice from the Ministry of Health, with instructions to suspend its operations from June 11 until further notice. The other production facilities of the group at different locations are still operational.*

3. CIDB menerima sebanyak 74,200 permohonan menerusi COVID-19 Intelligent Management System (CIMS 3.0) seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Namun hanya 11,939 permohonan diluluskan berikutan proses kelulusan ketat bagi memastikan hanya projek pembinaan kritikal saja boleh beroperasi, sekali gus mengurangkan penularan COVID-19 dalam sektor pembinaan.

4. KKR sudah membentangkan cadangan pelaksanaan program vaksinasi kepada sektor pembinaan kepada Pasukan Petugas Khas Imunisasi COVID-19 (CITF) pada 14 Jun 2021. Program ini adalah bagi mempercepatkan kadar vaksinasi barisan hadapan ekonomi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Bahagian mengambil maklum bahawa terdapat 2 model vaksinasi yang akan dilaksanakan PIKAS sebagai inisiatif untuk mempercepat pelancaran vaksin Covid-19 yang berkesan kepada pekerja di sektor pembuatan.

2. Bahagian mengambil maklum bahawa salah satu kilang dibawah CAB Cakaran Corp Bhd yang terkesan dengan jangkitan Covid-19 di kalangan pekerja akan menghentikan operasinya dari 11 Jun hingga pemberitahuan selanjutnya manakala kemudahan pengeluaran kumpulan lain di lokasi yang berbeza masih beroperasi. Antara kilang dibawah CAB Cakaran adalah Kyros Food Industries Sdn. Bhd., Farm's Best Food Industries Sdn. Bhd., HK Food (M) Sdn. Bhd, Tong Huat Poultry Processing Factory Pte. Ltd, and Gourmet Chefs Pte. Ltd.

3. Kelulusan hanya 16 peratus projek sepanjang PKP 3.0 oleh CIDB akan memberi kesan besar dalam prestasi sektor pembinaan pada suku tahun kedua.

4. CIDB akan memberikan subsidi RM50 untuk seorang pekerja dan juga menawarkan premis CIDB sebagai PPV secara percuma. Majikan di dalam sektor pembinaan hanya perlu membayar RM90 untuk setiap seorang pekerja yang divaksin. Ianya seterusnya dapat mengurangkan beban kepada syarikat dalam pemberian vaksin kepada pekerja.

| **E.** | **Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Star**<br>15 Jun 2021<br>*(Essential)* | **RAM: Foreign fund flow into bonds fell in May to RM1.9b**<br><br>Foreign investors remained net buyers of Malaysian bonds, albeit at a tapered pace, for the 13th consecutive month in May 2021. RAM Ratings said in a statement that foreign investors' overall holdings rose by RM1.9bil to RM247.9 bil. (April: +RM6.4 bil), the weakest foreign inflow since September 2020. May's smaller foreign inflow tracks the broader regional trend due to heightened risk aversion amid resurgence in | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/06/15/ram-foreign-fund-flow-into-bonds-fell-in-may-to-rm19b |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | COVID-19 infections and the nationwide lockdown. Foreign fund flows into the South Korean government bonds slowed from US$4.2bil to US$2.8 bil month-on-month while Indonesia reported US$500mil outflow in May (April: +US$900mil). | |
| 2. | **New Straits Times**<br>15 Jun 2021<br>*(Essential)* | ***Raya Airways first Malaysian freighter to start delivery services into China's Nanning.***<br><br>KUALA LUMPUR: *Raya Airways Sdn Bhd has marked the entry of its freight delivery services into Nanning, the capital of Guangxi Zhuang autonomous region in China. The entry recorded it as the first Malaysian freight service provider operating to the destination. The airline will serve Nanning four times per week with an average weekly load of 30 tonnes and a maximum capacity of up to 40 tonnes, utilising its Boeing 767-200F aircraft. This new freight route will carry all shipments that Raya Airways specialises in, namely cross-border e-commerce products and consumer goods, including perishable items. According to Raya Airways group managing director, emboldened by a rapidly developing logistics industry, Raya Airways aims to expand our network to more destinations within Asia-Pacific, including within China and other countries later this year. Since the outbreak of the COVID-19 pandemic, freight transportation had become increasingly significant, and it was* | https://www.nst.com.my/business/2021/06/698909/raya-airways-first-malaysian-freighter-start-delivery-services-chinas |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | *integral that the airlines continue to strengthen its expansion plan into new markets. Raya Airways is looking forward to introducing more new routes in the months ahead as we increase interconnecting network of destinations to support businesses during this pandemic*. | |

Penemuan penting & isu:

1. Malaysia terus memperoleh pembeli bersih pelabur asing terhadap bon Malaysia dengan pegangan keseluruhan meningkat RM1.9 bilion kepada RM247.9 bilion berbanding bulan sebelumnya. Ini disebabkan oleh penghindaran risiko yang meningkat dan kebangkitan semula jangkitan COVID-19 serta kawalan pergerakan di seluruh negara.

2. Raya Airways Sdn Bhd merupakan syarikat pertama Malaysia dalam bidang logistik muatan yang berjaya menembusi penghantaran muatan ke Nanning, China. Perkhidmatan ke Nanning akan dijalankan sebanyak empat kali seminggu dengan purata muatan sebanyak 30 tan dan kapasiti maksimum sebanyak 40 tan. Raya Airways akan memfokuskan kepada produk *e-commerce* dan barangan pengguna rentas sempadan, termasuklah barangan yang mudah rosak.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pegangan pelabur asing terhadap bon Malaysia mencatatkan aliran masuk terendah pada Mei 2021 sejak dicatatkan September 2020 disebabkan oleh peningkatan kes COVID-19 dan pelaksanaan *total lockdown*. Ini akan memberi impak kepada penyusunan statistik Akaun Kewangan. Pada suku pertama 2021, Akaun Kewangan mencatatkan aliran masuk bersih RM16.0 bilion berbanding aliran keluar bersih RM10.2 bilion pada suku sebelumnya.

2. Pengenalan laluan baru ke Nanning, China bagi perkhidmatan kargo dan muatan akan meningkatkan aktiviti perdagangan, justeru memacu perdagangan produk *e-commerce* dan barangan pengguna antara dua negara. Ini seterusnya akan memberi impak kepada penyusunan statistik Imbangan Pembayaran secara keseluruhannya bagi Akaun Barangan dan Perkhidmatan terutamanya komponen Pengangkutan. Pada suku pertama tahun 2021, Imbangan Akaun semasa Malaysia mencatatkan aliran masuk bersih RM12.3 bilion berbanding RM18.6 bilion pada suku sebelumnya. Manakala, komponen Pengangkutan mencatatkan defisit RM7.6 bilion berbanding RM7.5 bilion pada suku sebelumnya.

| F. | Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>17 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Lotus's Malaysia perkukuh jualan dalam talian**<br><br>Lotus's Stores (Malaysia) Sdn Bhd akan memperkukuhkan aktiviti jualan dalam talian berikutan permintaan yang semakin meningkat. Pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan yang dilaksanakan di Malaysia sejak tahun lalu memberi lonjakan besar kepada perkhidmatan dalam taliannya.<br><br>Dengan perancangan dalam talian dan luar talian secara konsisten serta penguasaan pasaran lebih daripada 50 peratus, Lotus's Malaysia mengunjurkan pertumbuhan pendapatan yang positif tahun ini.<br><br>Langkah penjenamaan sepenuhnya Lotus's Malaysia daripada Tesco Stores (Malaysia) akan dapat diselesaikan sebelum hujung tahun ini. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/828841/lotuss-malaysia-perkukuh-jualan-dalam-talian |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **The Edge**<br>16 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Malaysia's economic health to gradually recover with National Recovery Plan**<br><br>On June 15, Prime Minister announced the NRP, a phased exit strategy from the Covid-19 crisis and the Movement Control Order (MCO), which will be implemented from June to December 2021.<br><br>Kenanga Research said it is maintaining its gross domestic product (GDP) growth forecast at between 5% and 6% despite the announcement of the plan.<br>Malaysia's economic health is expected to recover gradually as the nation shifts to phase two of the National Recovery Plan (NRP) in July and August and phase three in September and October, with more sectors to be allowed to resume operations.<br><br>The economy is expected to be continuously supported by the manufacturing industry, specifically the export-driven sectors, given the sustained external demand. Most of its key sub-sectors (electrical and electronics, rubber gloves) are allowed to operate, albeit at a reduced capacity.<br><br>Although the retail sector will remain pressured in the near term due to tightened mobility restrictions and closure of non-essential stores, the impact | https://www.theedgemarkets.com/article/malaysias-economic-health-gradually-recover-national-recovery-plan |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | would be less severe as consumers and businesses are more prepared with the greater shift towards online sales platforms. | |
| 3. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(essential)* | **Sektor bioekonomi pelengkap Pelan Pemulihan Negara**<br><br>Inisiatif dan program Malaysian Bioeconomy Development Corporation adalah pelengkap strategi 4 fasa di bawah Pelan Pemulihan Negara.<br><br>Melalui program tersebut yang berasaskan modal insan seperti Biokerjaya @ My Future Agro di bawah inisiatif PENJANA serta BioAgrotech & BioPharmaceutical Employability & Entrepreneurship Specialised Training (BeST 2.0) memberi peluang pekerjaan dalam situasi yang mencabar ini.<br><br>Dijangka 800 pekerjaan akan diwujudkan dan 400 individu akan dilatih melalui program ini pada akhir 2021.<br><br>Pada suku keempat tahun lalu, syarikat telah mencapai pelaburan yang direalisasikan bernilai RM3.78 bilion dan menjana pendapatan bernilai RM1.42 bilion. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/828574/sektor-bioekonomi-pelengkap-pelan-pemulihan-negara |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(essential)* | **95 syarikat di Cyberjaya nikmati potongan sewa, moratorium**<br><br>Sebanyak 95 syarikat meraih manfaat daripada insentif bantuan sewa yang ditawarkan oleh Cyberview Sdn Bhd, membabitkan RM1.5 juta dalam bentuk moratorium dan potongan sewa.<br><br>Bantuan sewa itu adalah usaha antara insentif yang diberikan oleh Cyberview bersama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan TalentCorp untuk menyediakan bantuan segera dan berkesan kepada perniagaan di Cyberjaya sejak pandemik COVID-19 mula melanda. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/828646/95-syarikat-di-cyberjaya-nikmati-potongan-sewa-moratorium |

Penemuan penting & isu:

1. Pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan yang dilaksanakan di Malaysia sejak tahun lalu memberi lonjakan besar kepada perkhidmatan dalam talian syarikat Lotus's Stores (Malaysia) Sdn Bhd. Justeru dengan perancangan dalam talian dan luar talian secara konsisten serta penguasaan pasaran lebih daripada 50 peratus, Lotus's Malaysia mengunjurkan pertumbuhan pendapatan yang positif tahun ini.

2. Pengumuman Pelan Pemulihan Negara pada 15 Jun 2021 bertepatan dalam memastikan kerajaan dapat melaksanakan perancangan yang lebih tersusun mendepani pandemik COVID-19. Sehubungan itu, Kenanga Research masih mengekalkan ramalan pertumbuhan KDNK antara 5% dan 6%. Pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka pulih secara beransur-ansur dengan lebih banyak sektor akan dibenarkan untuk beroperasi semula mengikut fasa. Perkembangan ekonomi negara didorong oleh industri pembuatan, khususnya sektor yang *export-driven* ekoran daripada permintaan luaran yang kukuh.

3. Inisiatif dan program Malaysian Bioeconomy Development Corporation dalam sektor bioekonomi merupakan pelengkap kepada strategi empat fasa di bawah Pelan Pemulihan Negara. Melalui program tersebut yang berasaskan modal insan seperti Biokerjaya @ My Future Agro di bawah inisiatif PENJANA serta BioAgrotech & BioPharmaceutical Employability and Entrepreneurship Specialised Training (BeST 2.0) dijangka akan wujudkan 800 peluang pekerjaan bernilai tinggi dan 400 orang terlatih melalui program ini pada akhir 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelan Pemulihan Negara yang merupakan strategi keluar daripada pandemik COVID-19 menyasarkan rakyat dapat kembali kepada kehidupan harian biasa menjelang akhir tahun ini. Walaupun sektor Runcit terjejas akibat daripada sekatan pergerakan dan penutupan operasi, pengguna dan peniaga telah bersedia dengan peralihan urusniaga ke arah platform dalam talian. Selain itu, permintaan luaran yang kukuh bagi sektor Pembuatan terutamanya subsektor yang didorong oleh eksport dijangka meningkatkan pertumbuhan ekonomi tahun ini. Subsektor Komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik mencatatkan pertumbuhan sebanyak 12.4 peratus pada ST1 2021 berbanding suku tahun sebelumnya (ST4 2020: 9.3 peratus).

2. Inisiatif dan program Bioeconomy Corporation melalui pemerkasaan modal insan akan meningkatkan pembangunan sektor bioekonomi serta melonjakkan rantaian nilai bioekonomi terutamanya dalam sektor Pertanian, Kesihatan dan Pembuatan. Program pemerkasaan modal insan tesebut akan mewujudkan peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi pada akhir 2021 seterusnya dijangka akan mengurangkan kadar pengangguran.

| G. | Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM) | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>15 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Cadangan penggabungan Celcom-Digi berjalan lancar**<br><br>Cadangan penggabungan Celcom Axiata Bhd (Celcom) dan Digi.com Bhd (Digi) berjalan lancar dan tiada sebarang isu luar biasa timbul untuk kedua-dua syarikat bergabung menjadi penyedia perkhidmatan telekomunikasi terbesar Malaysia. | https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2021/06/828186/cadangan-penggabungan-celcom-digi-berjalan-lancar |
| 2. | **Sinar Harian**<br>15 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Harga sayur-sayuran naik hingga 40 peratus**<br><br>Beberapa harga sayur-sayuran mengalami peningkatan mulai Isnin susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Cameron Highlands, Pahang. | https://www.sinarharian.com.my/article/144264/BERITA/Nasional/Harga-sayur-sayuran-naik-hingga-40-peratus |
| 3. | **Free Malaysia Today**<br>15 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Harga minyak masak mungkin jadi lebih murah**<br><br>Harga minyak masak yang lebih rendah kini boleh dijangka kerana niaga hadapan minyak sawit menurun dengan ketara sejak seminggu yang lalu, kata penganalisis minyak sawit. | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/06/15/harga-minyak-masak-mungkin-jadi-lebih-murah/ |
| 4. | **Harian Metro**<br>(15 Jun 2021)<br>*(Essential)* | **TNB sumbang bantuan makanan kepada golongan terjejas**<br><br>Sebanyak 9,918 asnaf di Kuala Lumpur menerima manfaat daripada RM420,000 dana bagi bantuan bekalan makanan asas yang disumbang oleh Tenaga | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718227/tnb-sumbang-bantuan-makanan-kepada-golongan-terjejas |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Nasional Berhad (TNB). Sumbangan bekalan makanan asas yang diberikan termasuklah beras, gula, telur, biskut, serbuk teh, tepung dan kurma. Warga TNB menyantuni penerima bantuan dengan terus berkunjung dari rumah ke rumah termasuk di kawasan PPR. | |
| 5. | **Harian Metro**<br>(15 Jun 2021)<br>(*Essential*) | **Bantuan Nadma bantu penduduk terjejas Covid-19**<br><br>Nadma telah menguruskan tiga jenis bantuan mangsa Covid-19 sepanjang PKP. Bantuan pertama adalah bakul makanan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Kedua adalah bantuan khas warganegara yang terjejas akibat arahan kuarantin yang melayakkan RM100 sehari dan ketiga sumbangan *one-off* kepada waris pesakit Covid-19 yang meninggal dunia RM 500. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718191/bantuan-nadma-bantu-penduduk-terjejas-covid-19 |
| 6. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Harga minyak mentah diunjur cecah AS$80 setong**<br><br>Menjelang akhir 2021, minyak mentah Brent dijangka memuncak ke AS$80 setong berikutan defisit bekalan global. OCBC Bank maklum keseimbangan bekalan minyak mentah global akan kembali mencapai lebihan bermula suku pertama tahun depan.<br><br>OCBC bank juga menjangkakan harga minyak mentah menurun ke paras AS$65 setong dalam tempoh dua tahun bermula 2022. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/828469/harga-minyak-mentah-diunjur-cecah-as80-setong |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7. | **Harian Metro**<br>(16 Jun 2021)<br>(*Essential*) | **RM241j bantu rakyat terjejas**<br><br>Menerusi Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Ihsan 2021, sebanyak RM 241 juta telah diagihkan kepada golongan terjejas seperti pengusaha syarikat pelancongan, pengusaha homestay, pemandu pelancongan dan pengusaha hotel. Inisiatif tersebut termasuklah pemberian *one-off* RM2,000 kepada pengusaha hotal bajet yang berdaftar dengan persatuan di Johor, *one-off* RM1,000 kepada pengusaha homestay dan chalet yang berdaftar dan *one-off* RM1,000 kepada agensi pelancongan yang berdaftar Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718533/rm241j-bantu-rakyat-terjejas |
| 8. | **Harian Metro**<br>16 Jun 2021<br>(*Essential*) | **Harga RON97 naik dua sen, RON95, diesel kekal**<br><br>Kementerian Kewangan memaklumkan bahawa sepanjang tempoh 17 hingga 23 Jun, harga runcit petrol RON97 naik dua sen seliter daripada RM2.65 kepada RM2.67 seliter, manakalah harga minyak RON95 dan diesel, masing-masing kekal RM2.05 serta RM2.15 seliter. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718686/harga-ron97-naik-dua-sen-ron95-diesel-kekal |
| 9. | **Harian Metro**<br>17 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Penternak 'terhimpit' susulan kenaikan harga makanan palet**<br><br>Penternak lembu dan kambing semakin 'terhimpit' berikutan kenaikan harga makanan ternakan di pasaran sejak akhir-akhir ini. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718920/penternak-terhimpit-susulan-kenaikan-harga-makanan-palet |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 10. | **Kosmo!**<br>17 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Harga tomato, susu pekat manis mahal**<br>Peniaga restoran dan kedai makan di Pulau Pinang semakin tersepit apabila mereka mendakwa berlaku kenaikan ke atas barang-barang mentah sehingga memberi kesan kepada pendapatan harian. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/17/harga-tomato-susu-pekat-manis-mahal/ |
| 11. | **Berita Harian**<br>17 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Pengayuh beca, pemandu bot penambang terima bantuan**<br><br>Peruntukan sebanyak RM90,000 telah diluluskan bagi tujuan pemberian elaun selama 6 bulan kepada pengayuh beca dan pemandu bot pelancong di Terengganu. Golongan yang terkesan dan hilang pendapatan ini akan diberikan elaun sebanyak RM200 sebulan bermula bulan hadapan. Peruntukkan ini akan memberi manfaat kepada 57 pengayuh beca dan 18 pemandu bot penampang yang berdaftar. Namun begitu, elaun bulanan RM300 yang diberi selama 3 bulan masih diteruskan. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/06/828762/pengayuh-beca-pemandu-bot-penambang-terima-bantuan |

Penemuan penting & isu:

1. Perkhidmatan telekomunikasi syarikat Celcom Axiata Bhd (Celcom) dan Digi.com Bhd (Digi) bergabung menjadi penyedia perkhidmatan telekomunikasi terbesar di Malaysia.

2. Antara harga sayur-sayuran yang dijangka meningkat ialah tomato, timun jepun, cili, kobis, kacang buncis, lada manis atau lada benggala dan semua jenis salad. Peningkatan harga berlaku antara 30 hingga 40 peratus kerana pengeluaran terpaksa dihenti serta-merta. Punca utama ialah 12,000 pekerja asing dan tempatan di kawasan tanah tinggi itu tidak dapat keluar bekerja.

3. Semalam dilaporkan niaga hadapan minyak sawit Malaysia berada di landasan untuk penurunan terbesar dalam tempoh lebih 16 bulan selepas jatuh hampir 10%. Harga minyak kacang soya dan bunga matahari – pesaing utama minyak sawit – yang lebih rendah, menyumbang kepada penurunan niaga hadapan minyak sawit. Senario ini mungkin akan berlanjutan selama beberapa bulan dengan Amerika Syarikat dan Ukraine meningkatkan keluasan penanaman soya dan bunga matahari masing-masing. Pendorong utama harga minyak masak di Malaysia adalah harga minyak sawit mentah (CPO) dan sementara harga akan meningkat dengan cepat seiring dengan harga CPO, ia tidak akan turun dengan segera kerana peruncit membeli bekalan ketika harga tinggi. Kenaikan harga minyak juga disebabkan oleh permintaan global dan domestik yang tinggi untuk produk minyak sawit bulan lalu ketika bekalan rendah.

4. Seramai 9,918 orang asnaf menerima manfaat bantuan makanan daripada TNB yang melibatkan RM 420,000.

5. Nadma menyediakan 3 jenis bantuan bagi individu yang terjejas akibat arahan kuarantin disebabkan COVID-19. satu daripadanya turut melibatkan bantuan individu yang terjejas pendapatan akibat COVID-19.

6. OCBC Bank menjangkakan bekalan minyak global akan meningkat dua juta tong sehari (mbpd) dengan sebahagian besarnya daripada OPEC+ dan Iran. Tambahan pula, sekiranya larangan ke atas minyak Iran ditamatkan dalam tempoh 18 bulan akan dating, dua mbpd minyak mentah Iran akan kembali ke pasaran antarabangsa. OPEC juga telah mengurangkan masalah bekalan dengan peningkatan pengeluaran kepada 850,000 bpd.

7. RM241 juta telah diperuntukkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Ihsan 2021 bagi negeri Johor. Dana ini diperuntukkan khas bagi individu didalam sektor pelancongan yang terjejas akibat wabak COVID-19.

8. Berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan, Kementerian Kewangan menetapkan bahawa harga runcit petrol RON97 naik dua sen seliter (RM2.67 seliter) manakala RON95 (RM2.05) dan diesel (RM2.15 seliter) kekal bagi tempoh 17 hingga 23 Jun.

9. Kenaikan harga makanan palet yang mendadak daripada RM43 kepada RM55 seguni iaitu seberat 50kg membuatkan segelintir penternak terpaksa melepaskan ternakan berkeliaran mencari makanan. Penternak terpaksa melebihkan makanan alternatif lain untuk ternakan seperti rumput minyak dan napier grass (rumput gajah). Kenaikan harga makanan ternakan itu menyebabkan harga ternakan juga meningkat dari semasa ke semasa.

| | |
|---|---|
| 10. Aduan daripada para peniaga yang merungut mengenai kenaikan harga barang mentah sejak kebelakangan ini mempunyai kaitan dengan pelaksanaan PKP Penuh yang kini memasuki minggu ketiga. Kenaikan tidak hanya merangkumi barang basah seperti sayur, malah bahan mentah lain seperti minyak masak dan bahan-bahan masakan juga naik mendadak. Harga tomato adalah RM6 sekilogram, berbanding RM2.40 sekilogram sebelum ini. Susu pekat manis pula mengalami kenaikan sehingga RM10 bagi setiap satu karton, manakala sirap coklat untuk minuman kini berharga RM38 sebotol berbanding sebelum ini RM30.<br><br>11. Pengayuh beca dan pemandu bot di Terengganu menerima manfaat elaun bulanan tambahan sebanyak RM 200 sehingga Disember ini. | |
| Maklumbalas Bahagian:<br><br>1. Penggabungan Celcom dan Digi akan membentuk 19.1 juta pelanggan di seluruh Malaysia sekaligus menjadikan Celcom Digi sebagai peneraju pasaran digital.<br><br>2. Maklumat kargo muatan udara dijangka akan memberi kesan kepada indeks harga pengeluar perkhidmatan.<br><br>3. Kenaikan harga sayuran dan minyak masak dijangkakan akan memberi tekanan kepada Inflasi terutamanya kumpulan Makanan & Minuman Bukan Alkohol.<br><br>4. Peningkatan harga minyak mentah global memberi dijangka akan memberi impak kepada Inflasi terutamanya kumpulan Pengangkutan.<br><br>5. Kenaikan harga palet makanan ternakan dijangka akan menjadi punca kenaikan harga daging dan sekaligus turut memberi tekanan kepada Inflasi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol. | |

| **H.** | **Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>17 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Tiga faktor kes kematian COVID-19 meningkat**<br><br>Peningkatan kadar kematian berikutan COVID-19 di negara ini dipercayai berpunca daripada tiga faktor utama. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/05/818025/tiga-faktor-kes-kematian-covid-19-meningkat |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Sinar Harian**<br>17 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **Covid-19: 5,738 kes baharu, Selangor tertinggi**<br><br>Sebanyak 5,738 kes baharu positif COVID-19 dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada Khamis. | https://www.sinarharian.com.my/article/144728/KHAS/Covid-19/Covid-19-5738-kes-baharu-Selangor-tertinggi |
| 3. | **Berita Harian**<br>15 Jun 2021<br>(*Non-Essential*) | **COVID-19: Kes kematian kembali tiga angka**<br><br>Kes kematian akibat COVID-19 kembali mencatatkan tiga digit iaitu sebanyak 101 kes dilaporkan hari ini, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan korban di negara ini sudah mencecah 4,069 kes. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/828212/covid-19-kes-kematian-kembali-tiga-angka |

Penemuan penting & isu:

1. Ia merangkumi sistem perkhidmatan kesihatan berada pada tahap genting ketika ini, kelesuan petugas kesihatan dan pesakit positif lewat dibawa ke hospital untuk mendapat rawatan. Rantaian kesan 'domino' yang tercetus dalam tempoh mencecah 17 bulan ini menyaksikan petugas semakin penat sehingga boleh menyebabkan tumpuan terganggu. Pakar epidemiologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM) menyatakan ketegangan kerja dalam perkhidmatan kesihatan pada Januari dan Februari lalu dilihat tidak begitu ketara. Hal itu kerana langkah mewartakan Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 2021 menyaksikan bebanan sektor perkhidmatan kesihatan dikongsi petugas sektor swasta.

2. Negeri Sembilan merupakan negeri terbaru yang merekodkan kes melebihi 1,000 kes iaitu 1,086 kes, manakala Selangor kekal negeri tertinggi merekodkan kes harian iaitu sebanyak 1,858 kes. Kuala Lumpur pula mencatatkan sebanyak 641 kes, selain Sarawak (559), Johor (449), Sabah (248), Kedah (197), Melaka (184) dan Kelantan (154)," ciapnya di Twitter pada Khamis. Labuan pula mencatatkan sebanyak 97 kes baharu pada Khamis, selain Pulau Pinang (97), Terengganu (77), Pahang (54), Perak (30) dan Putrajaya (tujuh). Sementara itu, tiada kes baharu dilaporkan di Perlis. Kes positif COVID-19 di seluruh negara pada hari ini (Khamis) ialah sebanyak 5,738 kes dengan jumlah kumulatifnya iaitu 678,764 kes.

| | |
|---|---|
| 3. | Kali terakhir Malaysia mencatatkan kes kematian tiga digit ialah pada 3 Jun lalu iaitu sebanyak 103 kes dicatatkan. Kes kematian yang direkodkan hari ini membabitkan 98 rakyat tempatan dan tiga warga asing berusia antara 29 hingga 91 tahun. Daripada jumlah kes kematian tertinggi yang dilaporkan hari ini, beliau berkata, sebanyak 50 kes dicatatkan di Selangor, Kuala Lumpur (11); Johor (10); Negeri Sembilan (8); Labuan (4) dan masing-masing tiga kes di Sabah, Pahang, Kedah dan Kelantan. |

Maklum balas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun pertama 2021 ialah:
   - Jumlah kematian pada suku tahun pertama 2021 direkodkan sebanyak 43,545 kematian, meningkat sebanyak 0.7 peratus berbanding suku tahun pertama 2020 (43,226 kematian);
   - Sejumlah 25,076 kematian adalah lelaki sementara 18,469 kematian adalah perempuan;
   - Sebanyak 801 kematian disebabkan COVID-19 pada suku tahun pertama 2021, meningkat 70.1 peratus berbanding 471 kematian pada keseluruhan tahun 2020; dan
   - Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 285 kematian manakala W.P. Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya 2 kematian dan tiada kematian direkodkan di Perlis.

2. Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

| **I.** | **Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Berita Harian**<br>15 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **13,500 OKU akan divaksin di PPV pandu lalu pertama di Malaysia**<br>Seramai 13,500 orang kurang upaya (OKU) di Lembah Klang dijangka menerima vaksin Covid-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) untuk golongan itu secara pandu lalu yang pertama di negara ini.<br><br>PPV itu yang akan memulakan operasi di Menara Sime Darby Plantation, Ara Damansara dari 9.00 pagi hingga 5.00 petang menyasarkan 200 dos sehari. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718231/13500-oku-akan-divaksin-di-ppv-pandu-lalu-pertama-di-malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2. | **Harian Metro**<br>15 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Lulus vaksin Pfizer kepada golongan usia 12 tahun ke atas**<br><br>Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) ke-359 (DCA) meluluskan penggunaan vaksin Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech, kepada golongan berusia 12 tahun dan ke atas.<br><br>Walaupun tambahan indikasi ini telah diluluskan, Kementerian Kesihatan (KKM) berpandangan keutamaan pemberian vaksin masih lagi kepada kumpulan berisiko tinggi, selaras dengan dasar sedia ada yang ditetapkan di bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718287/lulus-vaksin-pfizer-kepada-golongan-usia-12-tahun-ke-atas |
| 3. | **Berita Harian**<br>15 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **Agensi kerajaan mesti tambah bahan PdPR**<br><br>Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) serta agensi lain mesti menggembleng tenaga memperbanyak siaran, mesej video dan rancangan di televisyen bagi membantu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).<br><br>Ini sebagai usaha tambahan bagi membimbing ibu bapa membantu anak sepanjang PdPR. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/827957/agensi-kerajaan-mesti-tambah-bahan-pdpr |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4. | **Berita Harian**<br>16 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Maybank Sama-Sama Lokal bantu peniaga terjejas, tanpa caj komisen**<br><br>Maybank telah melancarkan platform dalam taliannya mulai pertengahan April tahun lalu untuk membantu peniaga tempatan yang menghadapi kesukaran berniaga sepanjang musim pandemik.<br><br>Platform "Sama-Sama Lokal" yang dibangunkan, bertujuan membantu perniagaan kecil masuk ke dalam talian apabila mereka tidak dapat beroperasi dari kedai fizikal akibat pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berlanjutan.<br>Kedai dalam talian yang dibangunkan ini bertujuan membantu peniaga lokal yang tidak mampu mendapatkan perkhidmatan platform digital lain akibat komisen tinggi yang dikenakan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/828389/maybank-sama-sama-lokal-bantu-peniaga-terjejas-tanpa-caj-komisen |
| 5. | **Harian Metro**<br>16 Jun 2021<br>*(Non-Essential)* | **'Telefon pintar sumbangan Yayasan YTL, sesuai untuk pelajar ikuti PdPR'**<br><br>Yayasan YTL telah memberi telefon pintar secara percuma kepada pelajar bersesuaian untuk Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).<br><br>Ini adalah bagi membantu ribuan pelajar mengikuti PdPrR terutamanya golongan B40. | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/06/718627/telefon-pintar-sumbangan-yayasan-ytl-sesuai-untuk-pelajar-ikuti-pdpr |

Penemuan penting & isu:

1. Seramai 13,500 OKU di Lembah Klang dijangka menerima vaksin Covid-19 di pusat pemberian vaksin (PPV) untuk golongan itu secara pandu lalu yang pertama di negara ini.

2. Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) ke-359 (DCA) hari ini meluluskan penggunaan vaksin Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech, kepada golongan yang berusia 12 tahun dan ke atas.

3. KPM, KKMM serta agensi lain mesti menggembleng tenaga memperbanyak siaran, mesej video dan rancangan di televisyen bagi membantu Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).

4. Maybank telah melancarkan platform dalam taliannya untuk membantu peniaga tempatan yang menghadapi kesukaran berniaga sepanjang musim pandemik.

5. Yayasan YTL telah memberi telefon pintar secara percuma kepada pelajar bersesuaian untuk PdPR.

Maklumbalas Bahagian:

1. Program vaksinasi pandu lalu adalah antara usaha yang dilakukan oleh kerajaan untuk memastikan kumpulan OKU terbabit dalam agenda vaksin negara. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Selangor pada tahun 2019 adalah seramai 88,189 orang dan di Kuala Lumpur termasuk Putrajaya adalah seramai 38,112 orang.

2. Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Kelulusan pemberian vaksin Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech kepada golongan usia 12 tahun dan ke atas adalah antara inisiatif kerjaan untuk melindung golongan tersebut daripada jangkitan wabak COVID-19. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah adalah masing-masing sebanyak 9,247.5 ribu orang dan 2,542.2 ribu orang.

3. Memperbanyak siaran, mesej video dan rancangan di televisyen dapat membantu PdPR. Hal ini juga secara tidak langsung membantu guru dalam menjalankan tugas mereka semasa pandemik ini. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan guru sekolah rendah kerajaan dan menengah kerajaan di Malaysia pada 2019 adalah masing-masing sebanyak 235,987 orang dan 180,572 orang.

4. Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh bermula awal bulan lalu sekali lagi menyebabkan ramai peniaga tempatan terutamanya usahawan mikro, kecil, sederhana dan informal terjejas akibat larangan untuk menjalankan pergerakan aktiviti ekonomi secara langsung. Platform "Sama-Sama Lokal" yang dibangunkan oleh Maybank dapat membantu perniagaan kecil menjalankan perniagaan secara dalam talian berikutan mereka tidak dapat beroperasi dari kedai fizikal akibat pandemik COVID-19 dan PKP. Merujuk kepada Survei Sektor Informal 2019, bilangan tenaga kerja di dalam sektor informal adalah sebanyak 1.26 juta orang.

5. Golongan B40 adalah antara golongan yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 ini. Pemberian sumbangan peranti pintar kepada murid daripada keluarga B40 akan membantu meringankan beban serta membolehkan golongan tersebut mengikuti PdPR. Merujuk kepada MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah, Perak merupakan negeri yang mempunyai isi rumah B40 yang tertinggi iaitu sebanyak 12.7 peratus.

| **J.** | **Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **Sinar Harian**<br>15 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Bekalan sayur bakal terjejas**<br><br>Persatuan Pekebun-Pekebun India Cameron Highlands meramalkan bekalan sayur dari kawasan akan terjejas dalam tempoh tiga hingga empat bulan akan datang. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan di Cameron Highlands bermula 14 hingga 27 Jun 2021. | https://www.sinarharian.com.my/article/144253/BERITA/Nasional/Bekalan-sayur-bakal-terjejas |
| 2. | **Berita Harian**<br>15 Jun 2021<br>*(Essential)* | **COVID-19 jejas pengeluaran sawit Negara**<br><br>Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) minggu lalu melaporkan pengeluaran Januari hingga Mei 2021 sekitar 6.0 peratus. Peningkatan semula jangkitan | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/06/828038/covid-19-jejas-pengeluaran-sawit-negara |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | COVID-19 di Malaysia akan menyebabkan masalah kekurangan tenaga kerja di ladang sawit meningkat sekali gus mengekang pengeluaran minyak masak yang paling banyak digunakan di dunia. | |
| 3. | **Kosmo**<br>16 Jun 2021<br>*(Essential)* | **Hasil laut Pulau Pinang cecah 15,776.7 tan dalam 5 bulan**<br><br>Bekalan ikan di Pulau Pinang dijangka mencukupi bagi menampung permintaan penduduk berdasarkan hasil laut yang mencecah kira-kira 15,776.7 tan sepanjang tahun ini sehingga Mei 2021.<br><br>Hasil perikanan akan diagihkan kepada penduduk di sekitar 13 lokaliti Bayan Lepas, Mukim 12 dan daerah Barat Daya yang terlibat dengan PKPD. | https://www.kosmo.com.my/2021/06/16/hasil-laut-pulau-pinang-cecah-15776-7-tan-dalam-5-bulan/ |
| 4. | **New Straits Times**<br>16 Jun 2021<br>*(Non Essential)* | ***Dengue Cases In Sabah Down By 68 Per Cent, Partly Due To COVID-19 Pandemic***<br><br>*This year, the state recorded 68 per cent less dengue cases as compared to the same period last year. As people are spending more time at home due to the COVID-19 pandemic, dengue cases in Sabah have shown a decreasing trend.* | https://www.nst.com.my/news/nation/2021/06/699237/dengue-cases-sabah-down-68pct-partly-due-covid-19-pandemic |

Penemuan penting & isu:

1. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di beberapa kawasan di Cameron Highlands bermula 14 hingga 27 Jun 2021 menyebabkan semua sayur yang sedang ditanam pada ketika ini akan rosak jika ia tidak diuruskan oleh pekerja ladang. Sayur akan rosak kerana pokok memerlukan baja dan pengairan setiap hari dan kesannya bukan berlaku 14 hari sahaja, tetapi ia memberi kesan dalam masa tiga bulan ke hadapan. Setiap tanaman memerlukan masa beberapa bulan sebelum boleh mula dituai selepas ditanam semula seperti contoh tomato dan kubis tiga bulan manakala cili empat bulan.

2. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) melaporkan pengeluaran Januari hingga Mei sekitar 6.0 peratus, lebih rendah berbanding tahun 2020. Ini disebabkan oleh kekurangan tenaga kerja kerana kerajaan tidak membenarkan kemasukan pekerja asing ketika kes COVID-19 tinggi yang menyebabkan potensi pengeluaran menurun sebanyak 20 peratus hingga 30 peratus. Kekangan tenaga kerja akan menghalang lonjakan hasil yang besar dan mengekalkan pengeluaran Malaysia di bawah 19 juta tan tahun ini, lebih rendah berbanding 19.14 juta tan pada 2020. Lebih 70 peratus tenaga kerja perladangan adalah pekerja asing dan Malaysia mengeluarkan sekitar 26 peratus minyak sawit dunia.

3. Bekalan ikan di Pulau Pinang dijangka mencukupi bagi menampung permintaan penduduk berdasarkan hasil laut yang mencecah kira-kira 15,776.7 tan sepanjang tahun ini sehingga Mei 2021. Angka berkenaan merupakan jumlah pendaratan ikan di kompleks dan jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di seluruh negeri bagi tempoh lima bulan membabitkan nilai RM53.5 juta. Pendaratan ikan di Kompleks LKIM Batu Maung, Bayan Lepas bagi tempoh sama mencecah 2,883.1 tan (RM20.5 juta). Hasil perikanan akan diagihkan kepada penduduk di sekitar 13 lokaliti Bayan Lepas, Mukim 12 dan daerah Barat Daya yang terlibat dengan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

4. *As of June 10, there were 759 dengue cases with two deaths and dengue cases in Sabah have shown a decreasing trend. The decline was due to several factors which include the current COVID-19 pandemic that led to the movement control, with people staying at home more and thus, less rubbish. The campaign aimed to encourage the public to spend 10 minutes a week cleaning their surroundings and destroy the breeding grounds of aedes mosquitoes in their areas*.

Maklumbalas Bahagian:

1. Gerai buah-buahan telah mendapat kebenaran untuk beroperasi dalam tempoh PKP. Dengan adanya inisiatif tersebut, masalah lambakan bekalan yang tidak terjual dapat dikurangkan. Statistik pengeluaran dan penggunaan bagi buah-buahan diterbitkan di dalam penerbitan Akaun Pembekalan dan Penggunaan Komoditi Pertanian Terpilih (SUA) secara tahunan. Impak pengeluaran hasil pertanian semasa PKP dijangka akan dilihat pada penerbitan SUA 2022.

2. Pandemik COVID-19 di Malaysia menyebabkan kekurangan pekerja sektor perladangan komoditi kelapa sawit. Jumlah ini dapat dilihat kepada jumlah penduduk bekerja yang turut diterbitkan di dalam Indikator Pertanian Terpilih, 2021 dan 2022. Pada 2019, penduduk bekerja di sektor Pertanian seramai 1,541.1 ribu orang dengan 1,049.9 adalah warganegara manakala selebihnya adalah bukan warganegara.

   Pulau Pinang mencatatkan pendaratan ikan marin berjumlah 51,695 tan metrik pada 2019 dengan nilai RM534.30 juta. Statistik pendaratan ikan mengikut negeri boleh diperoleh dari penerbitan Indikator Pertanian Terpilih 2020.

   Bilangan kes demam denggi yang direkodkan pada 2019 di Sabah adalah sebanyak 5,451 kes. Sementara itu, sebanyak 2,537 kes denggi telah direkodkan pada Jun 2020 berbanding 759 kes denggi yang direkodkan pada 10 Jun 2021. Statistik ini diterbitkan secara tahunan melalui penerbitan Kompendium Perangkaan Alam Sekitar (KPAS). Penurunan bilangan kes denggi di Sabah disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kawalan pergerakan semasa pandemik COVID-19 serta kempen menggalakkan orang ramai untuk meluangkan masa selama 10 minit membersihkan kawasan rumah daripada pembiakan nyamuk Aedes.

| **K.** | **Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM)** | | |
|---|---|---|---|
| **Bil** | **Akhbar** | **Ringkasan** | **Pautan** |
| 1. | **The Edge Market**<br>**17 Jun 2021**<br>(*Non-essential*) | **RM12.12b approved under SME soft loan fund as at June 4, says Tengku Zafrul**<br><br>The total small and medium enterprise (SME) soft loan fund approved by local banks and accepted by SMEs amounted to RM12.12 billion as at June 4. A | https://www.theedgemarkets.com/article/rm1212b-approved-under-sme-soft-loan-fund-june-4-says-tengku-zafrul |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | total of RM67.5 million had been channelled to 13,869 businesses in the form of grants and loans for subscription of digitalisation services.<br><br>For the financing of the PENJANA tourism sector, government had allocated RM600 million for SMEs and micro-SMEs that were still affected by Covid-19. A total of RM421.2 million was channelled in the same period to 12,667 micro-SMEs, including in the retail and services sectors. | |
| 2. | **The Edge Market 15 Jun 2021**<br>*(Non-essential)* | **MEF hopes govt can allocate extra RM40b to help employers**<br><br>The Malaysian Employers Federation (MEF) hopes the government can allocate an extra RM40 billion apart from PEMERKASA+ package worth RM40 billion, to employers to help them mitigate the impact of the movement control order (MCO) 3.0 that has been extended until June 28.<br><br>Most of the employers are small and medium enterprises (SMEs). In this group, a big number of them — about 650,000 - employ less than five workers. | https://www.theedgemarkets.com/article/mef-hopes-govt-can-allocate-extra-rm40b-help-employers |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3. | **The Edge Market 15 Jun 2021** (*Non-essential*) | **PIKAS needs to be expanded to cover all 17 essential sectors, says MEF**<br><br>The public-private partnership immunisation programme (PIKAS) needs to prioritise critical industrial sectors facing high risk of Covid-19 infection and widen its coverage to encompass all 17 essential sectors.<br><br>Presently, employees in the manufacturing sub-sectors, including electrical and electronics, food processing, iron and steel, medical devices, personal protective equipment, oil and gas, and rubber products, including medical glove manufacturing sub-sectors will be prioritised for vaccination under PIKAS. companies with large workforce that live in centralised accommodation, such as those in the construction sector, must be given priority and included immediately. | https://www.theedgemarkets.com/article/pikas-needs-be-expanded-cover-all-17-essential-sectors-says-mef |
| Penemuan penting & isu:<br><br>1. Pinjaman PKS yang diluluskan oleh bank tempatan dan telah diterima oleh PKS berjumlah RM12.12 bilion sehingga 4 Jun. Sejumlah RM67.5 juta telah disalurkan kepada 13,869 perniagaan dalam bentuk geran dan dan pinjaman bagi langganan perkhidmatan digitalisasi. Bagi pembiayaan PENJANA sektor pelancongan, kerajaan telah memperuntukkan RM600 juta kepada PKS dan PKS mikro yang terjejas dengan pandemik COVID-19. Sejumlah RM421.2 juta telah disalurkan kepada 12,667 PKS mikro, termasuk di sektor perkhidmatan dan runcit. | | | |

2. *Malaysian Employers Federation* (MEF) berharap kerajaan dapat memperuntukkan tambahan RM40 bilion di samping pakej PEMERKASA+ bernilai RM40 bilion kepada majikan bagi membantu mengurangkan impak PKP 3.0 yang dilanjutkan sehingga 28 Jun. Kebanyakan majikan tergolong kategori PKS dengan anggaran 650 ribu yang menggaji pekerja kurang dari 5 orang.

3. Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) perlu mengutamakan sektor industri berisiko tinggi yang terdedah jangkitan COVID-19 dan memperluas liputan meliputi kesemua 17 sektor perlu. Pada masa ini, pekerja di subsektor pembuatan termasuk elektrik dan elektronik, pemprosesan makan, logam dan keluli, peralatan perubatan, peralatan perlindungan diri, minyak dan gas serta produk getah termasuk pembuatan sarung tangan perubatan akan diutamakan bagi vaksinasi di bawah PIKAS. Syarikat yang mempunyai pekerja ramai dan tinggal di penginapan berpusat seperti sektor pembinaan perlu diberi keutamaan dan diliputi dengan segera.

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Sorotan Pasaran Buruh ST1 2021 yang diterbitkan pada 21 Mei 2021, krisis ekonomi lazimnya mempunyai kesan terhadap dinamik pasaran buruh. Begitu juga dengan krisis kesihatan COVID-19 global, tidak terkecuali berdepan dengan kesan terhadap ekonomi. Di Malaysia, kesannya dirasai oleh pasaran buruh dengan kadar pengangguran meningkat kepada 5.1 peratus pada ST2 2020 berbanding dengan purata 3.3 peratus sebelum krisis. Sementara itu, permintaan pekerjaan oleh industri menyusut 2.7 peratus (236 ribu) kepada 8.38 juta berbanding antara 8.6 hingga 8.7 juta sebelum COVID.

2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan April 2021 yang diterbitkan pada 9 Jun 2021 adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 16,094.7 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,352.0 ribu
   iii) Penganggur: 742.7 ribu
   iv) Luar tenaga buruh: 7,376.8 ribu
   v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   vi) Kadar pengangguran: 4.6 peratus

3. Statistik utama tenaga buruh pada ST1 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
   i) Tenaga buruh: 16,008.4 ribu
   ii) Penduduk bekerja: 15,236.5 ribu
   iii) Penganggur: 771.8 ribu
   iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.6 peratus
   v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus

4. Berikut merupakan statistik penduduk bekerja mengikut taraf pekerjaan yang diterbitkan menerusi Laporan Tenaga Buruh bagi tempoh ST1 2021:
   i) Majikan: 491.4 ribu (Sumbangan: 3.2%)
   ii) Pekerja: 11,941.4 ribu (Sumbangan: 78.4%)
   iii) Bekerja sendiri: 2,351.8 ribu (Sumbangan: 15.4%)
   iv) Pekerja keluarga tanpa gaji: 452.0 ribu (Sumbangan: 3.0%)

5. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat berkaitan jawatan diisi mengikut aktiviti ekonomi berdasarkan SGT ST1 2021:

   i) Jumlah jawatan diisi adalah sebanyak 8,260 ribu, di mana yang tertinggi direkodkan di sektor Perkhidmatan dengan 4,348 ribu (52.6%). Ini diikuti sektor Pembuatan sebanyak 2,160 ribu (26.1%) dan sektor Pembinaan sebanyak 1,234 ribu jawatan diisi (15.0%).
   ii) Jawatan diisi di sektor Perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong dan runcit sebanyak 1,560 ribu (18.9%). Ini diikuti oleh subsektor Kewangan, insurans, hartanah & perkhidmatan perniagaan sebanyak 904 ribu (10.9%) manakala Makanan & minuman dan penginapan sebanyak 786 ribu (9.5%).
   iii) Sektor Pembuatan didominasi oleh subsektor Produk elektrik, elektronik dan optikal sebanyak 564 ribu (6.8%) diikuti Produk petroleum, kimia, getah dan plastik sebanyak 412 ribu (5.0%).
   iv) Pewujudan jawatan adalah sebanyak 17.4 ribu, di mana tertinggi direkodkan di sektor Pembuatan dengan 7.8 ribu (42.4%) dan diikuti dengan sektor Perkhidmatan dengan 6.4 ribu (36.6%).

6. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST1 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
   i) Pertanian: 1,861 ribu orang (Sumbangan: 12.2%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 73 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
   iii) Pembuatan: 2,594 ribu orang (Sumbangan: 17.0%)
   iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
   v) Perkhidmatan: 9,318 ribu orang (Sumbangan: 61.2%)
   vi) Jumlah: 15,237 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)

7. Guna tenaga Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengikut aktiviti ekonomi pada tahun 2019 adalah seperti berikut:
   i) Pertanian: 776 ribu orang (Sumbangan: 10.6%)
   ii) Perlombongan dan pengkuarian: 21 ribu orang (Sumbangan: 0.3%)
   iii) Pembuatan: 1,192 ribu orang (Sumbangan: 16.3%)
   iv) Pembinaan: 707 ribu orang (Sumbangan: 9.7%)
   v) Perkhidmatan: 4,623 ribu orang (Sumbangan: 63.2%)
   vi) Jumlah: 7,319 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)